



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TARI PAKON SEBAGAI MEDIUM PENGUBATAN DALAM UPACARA RITUAL PAKON MASYARAKAT LENEK RAMBAN BIAK, LOMBOK, INDONESIA

DENY SUSANTI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TARI PAKON SEBAGAI MEDIUM PENGUBATAN DALAM UPACARA
RITUAL PAKON MASYARAKAT LENEK RAMBAN BIAK,
LOMBOK, INDONESIA**

DENY SUSANTI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada16.....(hari bulan).....Oktober.....(bulan).....2023

i. Perakuan Pelajar:

Saya, DENY SUSANTI, M20201000861, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) Dengan ini mengaku bahawa Disertasi/tesis yang bertajuk TARI PAKON SEBAGAI MEDIUM PENGUBATAN DALAM UPACARA RITUAL PAKON MASYARAKAT LENEK RAMBAN BIAK, LOMBOK, INDONESIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajardan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Therany

Tandatangan pelajar

ii. Supervisor's Declaration:

Saya, PROF. MADYA DR. MUHAMMAD FAZLI TAIB BIN SAEARANI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TARI PAKON SEBAGAI MEDIUM PENGUBATAN DALAM UPACARA RITUAL PAKON MASYARAKAT LENEK RAMBAN BIAK, LOMBOK, INDONESIA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama diatas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazahDENY SUSANTI.....(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

16 Oktober 2023

Date

[Signature]

Signature of the Supervisor


 UPSI/IPS-3/BO 31
 Pind.: 01 m/s:1/1

 INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

 BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

 Tajuk / Title: TARI PAKON SEBAGAI MEDIUM PENGUBATAN DALAM UPACARA RITUAL
PAKON MASYARAKAT LENEK RAMBAN BIAK, LOMBOK, INDONESIA

 No. Matrik / Matric's No.: M20201000861

 Saya / I: DENY SUSANTI

(Nama pelajar / Student's Name)

 mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)*ini disimpan di
 Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti
 berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐
SULIT/CONFIDENTIAL

 Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐
TERHAD/RESTRICTED

 Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*
☒
TIDAK TERHAD OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 Tarikh: 16 Oktober 2023

 Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

 Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur daripada kehadiran Allah S.W.T kerana atas rahmat-Nya tesis ini berjaya disiapkan, tak lupa pula sholawat dan salam serta terimakasih setinggi-tingginya padajunjunan alam Nabi Muhammad S.A.W yang telah membawa kita padacahaya Islam. Setinggi-tingginya penghargaan saya ucapkan pada Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saarani sebagai penyelia utama sekaligus Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan. Terimakasih ke atas semua motivasi, sokongan, nasihat dan bimbingan semasa saya menjalankan kajian ini, segala bentuk pandangan, bimbingan, tunjuk ajar serta kesabaran beliau untuk bersedia berkongsi sangat membantu dalam proses menyusun tesis ini. Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada: Gabenor Nusa Tenggara Barat dan Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat yang telah menaja atau sebagai penyedia tajaan sehingga saya boleh melanjutkan pengajian ke Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia. Penghargaan dan terima kasih pula ditunjukkan pada ibu dan bapak saya serta semua keluarga yang tidak pernah berhenti berdoa dan memberikan nasihat serta sokongan. Saya mendedikasikan kajian ini sebagai simbol cintakasih saya padamereka. Penghargaan dan terimakasih setinggi-tingginya saya pula ucapkan kepada supervisor terbaik dan terhebat saya iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib Bin Saarani yang tak pernah Lelah dalam membimbing, memberikan pengajaran, nasihat dan masukannya sehingga thesis saya boleh diselesaikan tepat waktu. Penghargaan dan terimakasih pula saya ucapkan pada Kak Ade Widiwan, Papuq Nuh, Kak Eby Suryono serta semua masyarakat Desa Lenek Ramban Biak yang telah membantu dalam menjayakan kajian saya. Terimakasih pula saya ucapkan pada keluarga baru saya Puan shakila dan uncle haris yang tiada hentinya memberikan sokongan, nasihat serta mempersiapkan segala keperluan semasa saya di Malaysia. Semoga segala kebaikan puan dan uncle dibalas pahala oleh Allah SWT. Aamiin. Terimakasih pula saya ucapkan pada kawan-kawan pelajar dari NTB khususnya kawan-kawan daripada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan iaitu Taufik Mawardi, Susilawati Hasanah, M. Alfian Nur Khair, Sapriadi, L. Ahmad Alfian Bakti dan Miftah Nurjannah yang tiada hentinya memberikan sokongan serta nasihat-nasihatnya agar kajian ini selesai. Terimakasih sudah selalu ada dan berkongsi hiburan semasa saya sedih dan tiada semangat belajar. Akhir kata, terima kasih pada semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam tesis ini. Hanya Tuhan yang dapat membalas semua kebaikan teman-teman. Assalamualaikum Wr Wb.





ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai tari pakon sebagai medium pengubatan dalam upacara ritual pakon masyarakat Lenek Ramban Biak, Lombok, Indonesia. Ritual pakon merupakan ritual ajaib dan sakral yang bermatlamat untuk mengubati pelbagai jenis penyakit tradisional dengan menggunakan sebuah tarian yang dijalankan oleh si pesakit dalam keadaan kerasukan. Tari pakon adalah tari mistik yang penuh dengan aura ajaib yang bermatlamat untuk menyembuhkan penyakit. Objektif kajian ini adalah 1) mendeskripsikan latar belakang upacara ritual pakon, 2) menganalisis bentuk persembahan tari pakon, 3) menjustifikasikan fungsi tari pakon dalam upacara ritual pakon. Teori yang digunakan dalam penelitian ini adalah teori fungsi manifes dan fungsi laten dari Robert Kin Merton (1968). Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Sampel kajian ditentukan dengan cara *snowball sampling*. Teknik pengumpulan data menggunakan kajian literatur, temu bual dan dokumentasi. Teknik analisis data menggunakan penyederhanaan data, persembahan data dan kesimpulan atau verifikasi. Hasil dari kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kehadiran upacara ritual pakon berawal dari keresahan penduduk Desa Lenek Ramban Biak dalam menyahut penyakit yang dideritai oleh anggota masyarakat mereka terutamanya kerana penyakit yang dipuncakan oleh roh jahat dan perkara-perkara yang berbau mistik. Bentuk persembahan tari pakon terdiri daripada adanya elemen gerak tari berupa (gerak, ruang dan masa), tatabusana, solekan, penari dan iringan muzik. Fungsi tari pakon dalam persembahan upacara ritual pakon terdapat fungsi manifes dan fungsi laten. Fungsi manifes tari pakon adalah sebagai sarana dalam upacara ritual dan sarana pengubatan manakala fungsi laten tari pakon adalah memiliki fungsi mistik dan fungsi hiburan. Disamping itu kehadiran persembahan upacara ritual pakon dan tari pakon ini dapat mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat Lenek Ramban Biak dengan roh para leluhurnya.



PAKON DANCE AS A HEALING MEDIUM IN THE PAKON RITUAL CEREMONIES OF THE LENEK RAMBAN BIAK COMMUNITY, LOMBOK, INDONESIA

ABSTRACT

This study discuss about pakon dance as a healing medium in the pakon ritual ceremony of the Lenek Ramban Biak community, Lombok, Indonesia. The Pakon ritual is a magical and sacred ritual which aims to treat various types or traditional diseases by using a dances performed by patient in a state of trance. Pakon dance is a mistical dance filled with magical aura that aim to cure disease. The objective of this research are 1). To discuss the background of Pakon ritual ceremony, 2). To analyze the form of Pakon dance, 3). To categorize the function of Pakon dance in its ritual ceremony. The theories used in this research are the theory of manifest function and the theory of latent function by Robert King Merton (1968). This research is qualitative research with a case study approach. The study sample determined by Snowball sampling. Data collection technique used literature review, interviews and documentation. The data analysis technique uses data simplication, presentation and conclusion or verification. As a result of this study, researcher found that the presence of Pakon ritual ceremony started from the anxiety of resident in Lenek Ramban Biak village responding of the illnesses suffered by the community members, specially the disease caused by evil spirit and mistical things. The function of the pakon dance in the offering of Pakon ritual can be divided into the manifest function and the latent function. In the manifest function, Pakon dance used as a ritual ceremonies and treatment, while in the latent function, pakon dance used as a mystical and entertainment purpose. In addition, the presence of the Pakon ritual offering and the Pakon dance can create a good relationship between the Lenek ramban Biak community with the spirit of their ancestor.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	6
1.3. Pernyataan Masalah	14
1.4. Objektif Kajian	16
1.5. Persoalan Kajian	16
1.6. Kerangka Teori	17
1.6.1. Fungsi Manifes dan Fungsi Laten	18
1.7. Tinjauan Literatur	21
1.7.1. Ritual Perubatan	22
1.7.2. Ritual dan Tari	26
1.7.3. Fungsi Tari	37



1.7.4. Pakon	41
1.8. Metodologi	45
1.8.1 Reka Bentuk Kajian	45
1.8.2 Sampel	49
1.8.3 Teknik Pengumpulan Data	51
1.8.4 Teknik Analisis Data	54
1.9 Kepentingan Kajian	55
1.9.1. Masyarakat	56
1.9.2. Pengkaji	57
1.9.3. Praktikal	57
1.10. Batasan Kajian	58
1.10.1. Definisi Istilah	59
1.10.2. Fungsi	59
1.10.3. Ritual Pakon	60
1.10.4. Tari Pakon	60
1.10.5. <i>Tengkorong</i>	61
1.10.6. <i>Amang-amang</i>	62
1.10.7. <i>Gending pewayangan Sasak</i>	62
1.10.8. <i>Tembang</i>	63
1.10.9. <i>Sekaha</i>	63
1.11. Kandungan Bab Disertasi	64

BAB 2 RITUAL PAKON

2.1 Pendahuluan	67
2.2 Mengenal Suku Sasak	68

2.3	Sistem Kepercayaan Suku Sasak	72
2.4	Terletaknya Wilayah Kajian	75
2.5	Latar Belakang Upacara Ritual Pakon	80
2.6	Unsur-unsur Upacara Ritual Pakon	88
2.6.1	Tempat Persembahan Upacara Ritual Pakon	88
2.6.2	Bara Api	91
2.6.3	Sesajen	93
2.6.3.1	<i>Sampak</i> untuk Roh Nenek Moyang	97
2.6.3.2	Bunga Tujuh Rupa atau Bunga Rampai	99
2.6.3.3	Kelapa Muda	100
2.6.3.4	<i>Kekeroq</i>	102
2.6.3.5	<i>Lekesan</i>	103
2.6.3.6	<i>Aiq Kumkuman</i>	104
2.6.3.7	<i>Aiq Cecane</i>	106
2.6.3.8	Bunga Mayang	107
2.6.3.9	Kemenyan	108
2.6.3.10	<i>Ajen-ajen</i>	109
2.6.3.11	<i>Aiq Ceceret</i>	111
2.6.3.12	<i>Sampak</i> untuk Pelakon Upacara Ritual	112
2.6.3.13	Hidangan Berdamping	115
2.6.3.14	Makanan Ringan Tradisional	116
2.6.3.15	Ketupat	120
2.6.4	<i>Tembang</i>	121
2.6.5	Mantera	123
2.6.6	Pelakon Upacara Ritual Pakon	125

2.7	Peringkat Persembahan Upacara Ritual Pakon	126
2.7.1	Peringkat Persiapan	126
2.7.2	Peringkat Pelaksanaan	129
2.7.3	Peringkat Penutup	148
2.8	Nilai-nilai Sosial yang Terkandung dalam Upacara Ritual Pakon	149
2.8.1	Nilai Keagamaan	151
2.8.2	Nilai Solidariti Sosial	154
2.8.3	Nilai Gotong Royong	157
2.8.4	Nilai Kekeluargaan	159

BAB 3 PERSEMBAHAN TARI PAKON

3.1	Pendahuluan	162
3.2	Persembahan Tari Pakon	164
3.2.1	Elemen Gerak Tari	169
3.2.1.1	Gerak	166
3.2.1.1.1	Gerak Pembuka	172
3.2.1.1.2	Gerak Utama	175
3.2.1.1.3	Gerak Penutup	182
3.2.1.2	Daya	186
3.2.1.3	Ruang	190
3.2.1.3.1	Tahapan	192
3.2.1.3.2	Arah	196
3.2.1.3.3	Dimensi	200
3.2.1.4	Masa	202
3.2.2	Tata Busana	205

3.2.3 Tata Rias	210
3.2.3.1 Tata Rias pada Penari Laki-laki	212
3.2.3.2 Tata Rias pada Penari Perempuan	213
3.2.4 Penari Tari Pakon	215
3.2.5 Irian Muzik Tari Pakon	218
3.2.5.1 Gendang	223
3.2.5.2 Seruling Panjang atau <i>Suling Belo</i>	224
3.2.5.3 <i>Gong</i>	225
3.2.5.4 <i>Petuk</i>	226
3.2.5.5 <i>Rincik</i>	227
3.2.5.6 <i>Kekajar</i>	228
3.2.6 Hubungan antara Tari Pakon dan Gending Pewayangan Sasak	229

BAB 4 FUNGSI MANIFES DAN FUNGSI LATEN

4.1 Pendahuluan	235
4.2 Fungsi Manifes	237
4.2.1 Sarana Upacara Ritual	238
4.2.2 Sarana Pengobatan	243
4.3 Fungsi Laten	248
4.3.1 Fungsi Mistik	250
4.3.2 Fungsi Hiburan	256

BAB 5 KESIMPULAN DAN SARAN

5.1 Kesimpulan	261
5.2 Cadangan	266

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori	21
1.2 Proses kajian	48
2.1 Peratus Daerah Nusa Tenggara Barat (NTB)	76
2.2 Luas Wilayah Daerah Lombok Timur	77
2.3 Luas Wilayah Kecamatan Lenek	78
2.4 Jenis Pekerjaan Masyarakat Lenek Ramban Biak	80
2.5 Nama dan Peran Pelakon Upacara Ritual Pakon	125



SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1	Tempat Persembahan Upacara Ritual Pakon
2.2	Bara Api
2.3	<i>Sampak</i> untuk Roh Nenek Moyang
2.4	Bunga Tujuh Rupa atau Bunga Rampai
2.5	Kelapa Muda
2.6	<i>Kekeroq</i>
2.7	<i>Lekesan</i>
2.8	<i>Aiq Kumkuman</i>
2.9	<i>Aiq Cecane</i>
2.10	Bunga Mayang
2.11	Kemenyan
2.12	<i>Ajen-ajen</i>
2.13	<i>Aiq Ceceret</i>
2.14	<i>Sampak</i> untuk <i>Tengkorong</i>
2.15	<i>Sampak</i> untuk Pemain <i>Suling Belo</i>
2.16	<i>Sampak</i> untuk Pelakon Ritual Pakon dan Masyarakat
2.17	Hidangan Berdamping
2.18	Makanan Ringan Tradisional I
2.19	Makanan Ringan Tradisional II





2.20	Makanan Ringan Tradisional III	119
2.21	Ketupat	120
2.22	Peringkat Pertama Persembahan Upacara Ritual Pakon	129
2.23	Peringkat Kedua Persembahan Upacara Ritual Pakon	130
2.24	Peringkat Ketiga Persembahan Upacara Ritual Pakon	131
2.25	Peringkat Keempat Persembahan Upacara Ritual Pakon	132
2.26	Peringkat Kelima Persembahan Upacara Ritual Pakon	133
2.27	Peringkat Keenam Persembahan Upacara Ritual Pakon	134
2.28	Peringkat Ketujuh Persembahan Upacara Ritual Pakon	135
2.29	Peringkat Kelapan Persembahan Upacara Ritual Pakon	136
2.30	Peringkat Kesembilan Persembahan Upacara Ritual Pakon	137
2.31	Peringkat Kesepuluh Persembahan Upacara Ritual Pakon	138
2.32	Peringkat Kesebelas Persembahan Upacara Ritual Pakon	139
2.33	Peringkat Kedua Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	140
2.34	Peringkat Ketiga Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	141
2.35	Peringkat Keempat Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	142
2.36	Peringkat Kelima Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	143
2.37	Peringkat Keenam Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	144
2.38	Peringkat Ketujuh Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	145
2.39	Peringkat Kelapan Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	146
2.40	Peringkat Kesembilan Belas Persembahan Upacara Ritual Pakon	147
2.41	Peringkat Kedua Puluh Persembahan Upacara Ritual Pakon	147
3.1	Gerakan Pembuka Pakon I	173
3.2	Gerakan Pembuka Pakon II	174
3.3	Gerakan Pembuka Pakon III	175





3.4	Gerakan Utama Pakon I	176
3.5	Gerakan Utama Pakon II	177
3.6	Gerakan Utama Pakon III	178
3.7	Gerakan Utama Pakon IV	179
3.8	Gerakan Utama Pakon V	180
3.9	Gerakan Utama Pakon VI	181
3.10	Gerakan Utama Pakon VII	181
3.11	Gerakan Penutup Pakon I	183
3.12	Gerakan Penutup Pakon II	184
3.13	Gerakan Penutup Pakon III	184
3.14	Gerakan Penutup Pakon IV	185
3.15	Gerakan Dengan Daya Lemah	187
3.16	Gerakan Dengan Daya Kuat	188
3.17	Gerakan Dengan Daya Sederhana	189
3.18	Ruang Nyata	191
3.19	Tahapan Rendah	194
3.20	Tahapan Sederhana I	195
3.21	Tahapan Sederhana II	195
3.22	Arah I	197
3.23	Arah II	198
3.24	Arah III	199
3.25	Arah IV	200
3.26	Dimensi I	201
3.27	Dimensi II	202
3.28	<i>Tongkak</i>	207



3.29	<i>Bendang dan Tangkong</i>	208
3.30	<i>Sapuq Lepek, Tangkong dan Selewoq</i>	209
3.31	Tatarias Laki-Laki	212
3.32	Tatarias Perempuan	214
3.33	Hiasan Perempuan	215
3.34	Alat Muzik Gendang	223
3.35	Alat Muzik Seruling Panjang Atau <i>Suling Belo</i>	224
3.36	Alat Muzik <i>Gong</i>	225
3.37	Alat Muzik <i>Petuk</i>	227
3.38	Alat Muzik <i>Rincik</i>	228
3.39	Alat Muzik <i>Kekajar</i>	229



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB) terdiri daripada tiga suku yang mendiaminya iaitu Suku Sasak, Suku Samawa dan Suku Mbojo (SASAMBO). Suku Sasak sebahagian besar penduduknya berada di Pulau Lombok, Suku Samawa penduduknya berada di Pulau Sumbawa dan Suku Mbojo penduduknya berada di Bima dan Dompu. Provinsi Nusat Tenggara Barat terdiri daripada dua pulau besar dan ratusan pulau-pulau kecil, pulau besar terdiri daripada Pulau Sumbawa dan Pulau Lombok. Wilayah ini terletak di tengah Indonesia.





Pulau Lombok memiliki gelaran sebagai pulau seribu masjid. Hal ini kerana Pulau Lombok mempunyai banyak masjid dan surau. Berasaskan data daripada pejabat Wilayah Kementerian Agama daerah Nusa Tenggara Barat jumlah masjid di Pulau Lombok adalah 82.27% dari jumlah masjid di Nusa Tenggara Barat bila dibandingkan dengan wilayah Nusa Tenggara Barat yang mencapai 20,153.15 persegi kilometer atau mencecah 4.500 unit dan tidak termasuk surau. Rata-rata setiap 500 meter terdapat sebuah masjid (A. Kadim et al., 2019; Liputan6.com, Mataram, 2010).

Oleh kerana Pulau Lombok terkenal sebagai Pulau seribu masjid, Pulau Lombok diberi gelaran dengan gelaran keagamaan kerana didiami oleh majoriti penduduk yang menganut agama Islam. Lain daripada itu di Lombok juga terdapat agama minoriti seperti Hindu, Buddha, Kristian dan Konfusianisme. Kepelbagaian agama yang diamalkan oleh masyarakat di Pulau Lombok tidak memecahbelahkan masyarakat tetapi hakikat inilah yang menjadikan toleransi antara penganut agama. Masyarakat Pulau Lombok mempunyai pelbagai kaedah dalam menjalankan perubatan tradisional yang kuat akan tradisi dan budayanya seperti menjalankan aktiviti ritual yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang mereka. Ritual bukan sahaja berperanan dalam mengatur dan mengekalkan hubungan sosial tetapi juga sebagai pemberi nilai-nilai suci padasimbol-simbol yang merupakan manifestasi ritual. Ritual boleh dikatakan sebagai perwujudan penting daripada kebudayaan.

Ritual mempunyai empat elemen utama iaitu pertama, ritual adalah amalan sosial berulang yang terdiri daripada rangkaian aktiviti simbolik seperti tari, lagu, pidato, dll, kedua, terpisah dari kebiasaan sosial kehidupan keseharian, ketiga, mematuhi skema karakteristik iaitu skema yang didefinisikan secara budaya dalam maksud walaupun tanpa melihat ritual tertentu sebelumnya orang dalam masyarakat dapat mengatakan bahawa sekumpulan aktiviti tertentu adalah ritual dan keempat, tindakan ritual berkait rapat dengan kumpulan idea tertentu dan ini jarang-jarang dikodkan dalam mitos (Andree Grau, 2001; Schultz dan Lavenda, 1990).





Ritual adalah serangkaian aktiviti yang dalam pelaksanaannya melibatkan sistem kepercayaan dan perkara-perkara bersifat ajaib yang diperkukuhkan melalui tradisi. Victor Turner (1966), Mariasusasi Dhavamony (1955) dan Mary Douglas (1966) memberi gambaran mengenai ritual iaitu pertama, merupakan perbuatan suci yang digunakan manusia sebagai alat untuk berkomunikasi dengan Tuhan, roh-roh nenek moyang dan makhluk ghaib lainnya dan kedua untuk mempererat ikatan sosial antara individu dalam masyarakat.

Kehadiran ritual bukan sahaja untuk menjaga hubungan baik dengan yang ghaib tetapi juga menjaga hubungan baik antara ahli masyarakat. Turner (1966) membincangkan bahawa peranan ritual dalam masyarakat seperti menghilangkan konflik, mengatasi perpecahan dan membina perpaduan di antara masyarakat, menyatukan prinsip yang berbeza, memberikan motivasi dan kekuatan baru untuk menjalani kehidupan seharian seseorang. Dhavamony (1995) turut serta membincangkan bahawa tujuan dari ritual iaitu sebagai penerimaan, perlindungan, penyucian, pemulihan, kesuburan, penjamin, memelihara kehendak nenek moyang, mengawal sikap masyarakat mengikuti situasi kehidupan sosial yang semuanya diarahkan padatransformasi keadaan manusia. Ritual bersifat terbuka untuk menyeragamkan bentuk nilai yang terkandung dalam masyarakat yang berfungsi sebagai perantara pengalaman individu dalam masyarakat (Douglas, 1966).

Dari ke tiga-tiga penjelasan tersebut terlihat bahawa ritual berkait rapat dengan masyarakat penyokongnya. Satu daripada ritual yang unik terdapat di Pulau Lombok yang terletak di Desa Lenek Ramban Biak, Kecamatan Lenek, Daerah Lombok Timur,



Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB) iaitu upacara ritual dalam menangani seseorang yang menghadapi penyakit. Upacara ritual tersebut dijalankan sekiranya terdapat penduduk yang menghadapi penyakit yang telah lama dideritai oleh dan tiada tanda-tanda kesembuhan maka dijalankan upacara ritual yang dinamakan pakon. Upacara ritual pakon telah menjadi tradisi budaya yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini. Dalam pelaksanaannya upacara ritual pakon menggunakan sesajen dan mantera berupa doa pada Tuhan untuk memohon kesembuhan. Berdasarkan temu bual bersama Papuq Nuh:

Pakon secara harfiah bererti pengakuan. Pakon secara istilah maksudnya adalah pengakuan seorang hamba padasang penciptanya iaitu Allah SWT keatas ketidakupayaannya untuk menyembuhkan penyakit yang dideritainya. Penyakit tersebut disebabkan oleh gangguan daripada roh-roh jahat yang berada dalam persekitaran kita.

Perkataan pakon juga terdapat dalam kamus bahasa Jawa. Pakon secara harfiah bermaksud perintah manakala dari segi istilah pakon bermaksud perintah untuk menjalankan sesuatu. Menurut Khoiru Darajat (2014) membincangkan erti kata pakon iaitu beritahu, perintah dan segala perintah. Perintah dalam menjalankan sesuatu bermakna meminta si pesakit untuk menjalankan ritual dan tari. Selari dengan itu Fathullah H. Rapsanjani (2017) membincangkan bahawa upacara ritual pakon adalah ritual perubatan yang dijalankan masyarakat dalam menyembuhkan penyakit dengan menjalankan tari pakon. Seterusnya, Aron B. Laki (2020) turut membincangkan bahawa upacara ritual pakon dijalankan sekiranya ada seseorang terutama wanita tua terdedah penyakit dan cara pengubatannya iaitu dengan cara menari dalam keadaan

kerasukan. Kesimpulannya bahawa upacara ritual pakon adalah upacara ritual ajaib dan sakral untuk mengubati pelbagai macam penyakit tradisional dengan menari diatas bara api dalam keadaan kerasukan. Menurut Laki (2020) simptom dari penyakit yang dapat diubati oleh upacara ritual pakon adalah rasa sakit pada tubuh terutamanya pinggang dan lutut mereka (*reumatik*). Berdasarkan temu bual bersama Papuk Nuh:

Penyakit yang dapat disembuhkan oleh upacara ritual pakon iaitu seperti sakit *keranjingan*, *reumatik*, sakit pinggang dan penyakit saraf lainnya. Simptom dari penyakit *keranjingan* itu seperti sukar tidur, tiada perasaan, badan terasa sejuk sehingga menggigil hebat, badan terasa berat, sakit dan kemuncaknya menyebabkan penghidap tidak dapat bergerak.

(Temu Bual, 15 Ogos 2021)

Pelbagai cara yang dijalankan makhluk ghaib dalam menyusahkan urusan manusia seperti keupayaan memasuki urat saraf manusia dengan makna lain mereka menyakiti manusia dengan cara menindih tubuh, merasuk manusia, menawan semangat, menyekat darah dan menyerang jiwa (Johari dan Khairuddin, 2018). Sekiranya penyakit itu kelihatan tidak biasa kecurigaan mengenainya mungkin timbul akibat serangan oleh roh yang dihantar oleh orang yang berniat buruk atau bertindak atas inisiatif mereka sendiri atau kerana ketidakseimbangan komponen tubuh pesakit itu sendiri (A.S.Hardy Shafii, 2016; Carol Laderman, 1996).

Persembahan upacara ritual pakon diketuai oleh seorang dukun yang dalam masyarakat Lenek Ramban Biak menyebutnya *tengkorong*. Ritual pakon ini biasanya dijalankan pada saat malam hari iaitu selepas solat isyak sekitar pukul 21:00 sampai



selesai. Upacara ritual pakon dalam persembahannya melibatkan proses penyembahan dan kerasukan. Perkataan kerasukan bermaksud kemasukan roh nenek moyang ke dalam tubuh si pesakit dan *amang-amang* yang turut serta menjalankan upacara ritual pakon. Persembahan upacara ritual pakon tidak boleh dipisahkan dari adanya pelbagai macam sesajen yang terdiri daripada makanan, kemenyan, tumbuhan, bunga-bunga dan lainnya. Bunga-bunga yang berbau harum digunakan sebagai alatan dan perhiasan bagi menarik kehadiran roh ke dalam upacara ritual (Norlida, 2018). Persembahan upacara ritual pakon terdiri daripada unsur-unsur yang wajib ada yang bermaksud agar upacara ritual pakon dapat dijalankan dengan lancar tanpa sedikit pun halangan. Seandainya salah satu elemen ini hilang maka persembahan upacara ritual pakon tidak dapat dilanjutkan. Menurut Rafsanjani (2017) unsur yang terdapat pada upacara ritual pakon adalah seperti sesajen, alat muzik dan pelakon. Sementara itu, berbeza dengan Baiq Eka Rahayu (2019) melihat upacara ritual pakon sebagai bentuk persembahan memiliki unsur yang lebih kompleks iaitu seperti adanya pelakon, iringan muzik, sesajen, bara api, kain kafan, solekan, tatabusana, pencahayaan, sistem bunyi, dan susun atur pentas. Tari dalam upacara ritual pakon merupakan sesuatu yang wajib ada dalam setiap persembahan. Tari adalah bentuk seni persembahan yang telah wujud sejak zaman kuno dan masih berkembang sehingga kini. Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini meneroka mengenai fungsi tari pakon dalam upacara ritual masyarakat Lenek Ramban Biak, Lombok, Indonesia.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Rahayu (2019) tari pakon dikenal sebagai tari mistik yang penuh dengan aura ajaib yang bermaksud untuk menyembuhkan penyakit. Semangat untuk sembuh daripada penyakit itu diwakili melalui gerakan spontan dan tanpa peraturan khusus tetapi tetap menunjukkan gerakan yang berfokus pada keindahan. Tari pakon merupakan tari yang bersifat non-representasi bermaksud gerak tari tidak menggambarkan apa-apa dan lebih menjurus pada nilai rasa dan perkembangan imaginasi yang tidak ditujukan pada pengetahuan tentang masalah yang diungkapkan. Pergerakan tari tersebut melibatkan semua anggota tubuh dari kepala, bahu, badan, pinggang, tangan dan kaki.



yang sangat lincah dan bertenaga. Dalam menjalankan persembahan tari, penari berada dalam keadaan kerasukan sehingga menyebabkan setiap penari mempunyai gerak-geri tari yang berbeza. Setiap penari dirasuki oleh roh nenek moyang yang berbeza-beza. Perbezaan tersebut mengikut padakumpulan yang membuat persembahan (Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2009). Gerakan tari pakon menunjukkan pantulan kekuatan bawah sadar yang lahir daripada rasa semangat untuk mengubati penyakit yang dideritai oleh dan rasa hormat yang tinggi terhadap kekuatan-kekuatan di luar batas kemampuan manusia pada umumnya. Bentuk persembahan tari pakon termasuk dalam persembahan kumpulan kerana ditarikan oleh beberapa orang *amang-amang* dan seorang pesakit. Pergerakan dalam tari pakon menghendaki adanya pengulangan dan peralihan. Menurut Alma M. Hawkins (1988) pengulangan digunakan dalam pembentukan gerak tari bukan sahaja sebagai alat penyampaian idea tetapi juga sebagai kaedah memastikan



penonton berpeluang menangkap dan menyerap bentuk pergerakan tersebut. Pengulangan dalam sesebuah persembahan tarian penting dijalankan demi memberikan kepuasan psikologi pada penari dan penonton supaya dapat merasai dan menentukan rangkaian gerak-geri tersebut dengan tujuan untuk menunjukkan keunikan daripada tarian tersebut. Pengulangan dalam tari pakon dapat dilihat daripada gerak-geri *amang-amang* dan pesakit yang mempertunjukkan gerakan *nangkep kiri* dan *nangkep kanan* diiringi dengan gerakan tangan yang disebut *nyakaq*.

Nangkep kiri adalah postur berdiri dengan kaki kiri ditolak ke hadapan mengikut arah kecondongan kaki, supaya kedua-dua tumit berada lebih kurang satu tangan dengan kaki kiri di hadapan dan kaki dalam bentuk 0 (badan direndahkan sedikit). *Nangkep kanan* adalah postur berdiri dengan kaki kanan ditolak ke hadapan mengikut arah kecondongan kaki supaya kedua-dua tumit berada lebih kurang satu tangan dengan kaki kanan di hadapan dan kaki dalam bentuk 0 (badan direndahkan sedikit). Manakala *nyakak* adalah pergerakan kedua-dua tapak tangan ke atas dan ke bawah secara bergantian secara berterusan (Rahayu, 2019).

Seterusnya, peralihan adalah pemindahan atau penyambungan daripada satu pergerakan ke pergerakan yang lain dengan lancar dan berkemahiran supaya keseluruhan siri bentuk gerakan menjadi lebih berkesan dan mewujudkan kesatuan (Hadi, 2017). Kehadiran peralihan dalam suatu tarian dapat menjadikan tarian itu lebih hidup. Peralihan dalam tari pakon dapat dilihat apabila penari bergerak dari gerakan *nangkep kanan* atau *nangkep kiri* pada gerakan *bedeser*. Gerakan *bedeser* adalah pergerakan beralih ke kanan dan kiri yang terletak pada tumit dan jari kaki secara berselang-seli dan tapak kaki digerakkan selari (Rahayu, 2019).

Pergerakan tari pakon memang nampak sering diulang-ulang dan monoton tetapi kehadirannya dalam ritual pakon sangat penting kerana fungsinya sebagai medium



upacara ritual. Tarian pakon terbahagi pada tiga bahagian iaitu bahagian awal, bahagian utama dan bahagian penutup. Penentuan bahagian ini mengikut daripada iringan muzik yang mengikuti tari pakon iaitu *Gending pewayangan Sasak*. Terdapat hubungan yang saling mengikat antara tarian dengan muzik iringan, sebab dalam tari pakon gerakan tariannya mengikuti alunan muzik *Gending pewayangan Sasak* tersebut, apabila *Gending pewayangan Sasak* dimainkan lambat maka gerakan tarian para penari pakon ikut lambat dan apabila *Gending pewayangan Sasak* dimainkan dengan laju maka para penari pakon akan memperlihatkan gerakan tarian yang laju dan seterusnya.

Bahagian awal ditandai dengan iringan muzik daripada *Gending pewayangan Sasak* yang dipanggil *gending pakon*. *Gending* ini dimainkan apabila pesakit dan *amang-amang* bangun daripada tidurnya dalam keadaan kerasukan dan mulai untuk menari. Pada peringkat ini semua alat muzik dimainkan bersama bermula dengan tempo perlahan apabila pesakit dan *amang-amang* mulai berdiri. Apabila pesakit dan *amang-amang* sudah mula menari dalam keadaan berdiri, tempo muzik menjadi sederhana dan pergerakan tarian mulai menunjukkan pergerakan yang tangkas. Bahagian inti ditandai dengan iringan muzik *gending pakon* dengan tempo cepat yang menunjukkan proses menginjak bara api yang dijalankan oleh si pesakit dan *amang-amang*. Gerak-gerik tarian yang ditunjukkannya sangat tangkas dan bertenaga. Bahagian ini juga termasuk dalam bahagian klimaks. Bahagian penutup ditandai dengan iringan muzik *Gending pewayangan Sasak* yang dipanggil *gending bebas* atau *gending tambahan* yang dimainkan apabila pesakit tidak berpuas hati menari maka si pesakit akan meminta *sekaha* bermain *gending* dan mengiringinya untuk menari. Bahagian ini adalah bahagian penutup daripada persembahan tari pakon.





Tari pakon diiringi oleh iringan muzik yang bernama *gending pewayangan*. Menurut Lalau Gede Semu bahawa dinamakan *Gending pewayangan Sasak* bukan kerana terdapat permainan wayang di dalamnya tetapi kerana dalam permainan tersebut ia menggunakan alat muzik wayang seperti dua buah gendang kecil, *petuk*, *rincik*, *cecenat*, seruling dan gong (Murcahyanto et al, 2021). Menurut Rafsanjani (2017) berdasarkan hasil kajian yang dijalankan di Sanggar Seni Cupu Mas alat muzik dari *Gending pewayangan Sasak* terdiri daripada *suling belo*, dua buah gendang, *kekajar*, *kekenat*, gong, dan *rincik*. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Rahayu (2019) berdasarkan hasil kajian yang dijalankan di Sanggar Seni Nelio alat muzik *Gending pewayangan Sasak* terdiri daripada dua buah gendang, *suling belo*, *petuk*, dua buah *rincik*, *cecenak*, *kekajar*, *kekenat*, gong, *saron* (*pemugah*, *saron*, *kantil* dan *penyelah*).



Tari keagamaan mahupun adat mempunyai sifat yang sakral dan suci bahkan ada pula yang mengandungi kekuatan magis (Soedarsono, 1978). Selain bersifat sakral dan suci tari pakon juga mengandungi kekuatan magis. Kejadian ini dapat dilihat pada masa penari dalam keadaan kerasukan mereka menari dengan sangat lincah di atas bara api yang masih menyala tanpa menunjukkan sedikit pun kesakitan. Menurut Claire Holt (2000) penari yang berada dalam posisi kerasukan benar-benar menikmati prestij kerana dalam kedudukan itu mereka telah menjadi alat kuasa ghaib. Fenomena ini memberikan bukti bahawa terdapat hubungan yang rapat antara penari dengan kuasa ghaib. Akstein membincangkan bahawa keadaan kerasukan merupakan semangat yang hidup yang dianggap memiliki kemampuan untuk menghadapi dan melenyapkan penyumbatan struktur yang berkaitan dengan kesedaran ego yang mengakibatkan keadaan transpersonal (Ramos, 2018; Schasseur, 2013).



Dalam kelompok masyarakat budaya pergerakan yang dihasilkan oleh tubuh manusia hadir bersama dengan kegiatan ritual yang bererti pergerakan tubuh berfungsi sebagai penyokong dalam upacara ritual yang bersifat ajaib. Tari yang berfungsi sebagai sarana dalam upacara ritual dapat dimanfaatkan untuk pelbagai harapan yang berhubungan dengan kehidupan seperti dalam tari pakon yang bertujuan untuk meminta kesembuhan penyakit. Tari yang berfungsi sebagai sarana pada upacara ritual memiliki ciri-ciri iaitu masa persembahan yang terpilih, tempat yang terpilih yang biasanya dianggap suci, pelakon yang terpilih, tatabusana khas, memerlukan sesajen dan matlamat lebih penting daripada kehendak (Soedarsono, 2002).

Mengikut ciri-ciri yang dibincangkan oleh Soedarsono (2002) tari pakon boleh dikategorikan sebagai tari yang berfungsi sebagai sarana dalam upacara ritual. Pertama, adalah tari pakon mempunyai masa persembahan yang dipilih. Tari pakon hanya dipersembahkan pada masa ritual pakon sahaja kerana tari pakon dipersembahkan setelah melalui beberapa peringkat dalam upacara ritual pakon. Disebutkan bahawa upacara ritual pakon dan tari pakon merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Berdasarkan temu bual bersama Papuk Nuh :

Peringkat yang mesti dilalui oleh pesakit dan *amang-amang* ialah: Pertama, dahi pesakit dan *amang-amang* dipukul ringan oleh bunga mayang yang telah dimasukkan ke dalam air cecane yang telah dibacakan mantera oleh *tengkorong*. Kedua, mereka akan ditidurkan dan seluruh tubuhnya ditutup dengan kain kafan. Ketiga, *tengkorong* membaca mantera dan menghembuskan asap kemenyan sehingga mereka tertidur dan tidak sedarkan diri. Keempat, penembang menyanyikan pantun diiringi oleh *suling belo* yang bermatlamat untuk menyedarkan mereka daripada tidurnya. Kelima, mereka bangun dalam keadaan kerasukan dan mata tertutup sementara menari mengikut alunan muzik *gending pewayangan sasak*.

(Temu Bual, 15 Ogos 2021)



Kedua adalah tari pakon mempunyai tempat persembahan yang dipilih. Tempat persembahan merupakan elemen yang wajib ada dalam setiap persembahan tari. Tempat persembahan yang biasa digunakan dalam persembahan tari pakon adalah di kawasan lapang iaitu halaman rumah penduduk. Matlamatnya adalah untuk memudahkan para pelakon mendapatkan akses masuk dan keluar daripada mengambil sesajen, lebih dekat dengan alam semula jadi dan dapat bergerak dengan lebih bebas. Selain itu, bagi memudahkan orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan tari pakon dari segenap penjuru baik dari sisi depan, samping dan belakang secara langsung tanpa dihalangi oleh apa-apa. Mengenai tempat persembahan tari pakon tidak mempunyai keperluan khas yang mesti dipenuhi pada dasarnya harus luas dan bersih.



Ketiga adalah mengenai pelakon yang dipilih. Pelakon dalam persembahan upacara ritual dan tari pakon adalah orang-orang yang terpilih. Berdasarkan temu bual bersama Papuq Nuh bahawa:

Pelakon pada upacara ritual dan tari pakon adalah orang-orang yang terpilih yang bermaksud bahawa mereka semua adalah keturunan daripada nenek moyang terdahulu yang sering menjalankan ritual dan tari pakon juga. Selain itu, para pelakon adalah orang yang suci dan bersih yang bermaksud *amang-amang* wanita tidak dalam keadaan haid atau sudah mengalami menopause sehingga boleh dikatakan mereka bersih daripada pengaruh yang buruk.

(Temu Bual, 15 Ogos 2021)

Keempat iaitu mengenai busana khas yang digunakan oleh para pelakon dalam persembahan ritual dan tari pakon.



Tatabusana yang digunakan oleh pelakon dalam upacara ritual dan tari pakon adalah tatabusana tradisional sasak yang mempunyai perbezaan berdasarkan tugas masing-masing dalam ritual tersebut. *Amang-amang* perempuan memakai tatabusana berwarna hitam, selendang merah, kain batik dan aksesori bunga di kepala mereka. *Tengkorong* menggunakan tatabusana *dodot* putih dan *sapug* putih. Pemain muzik menggunakan busana *dodot* berwarna hitam sesuai dengan tatabusana asli suku Sasak dan *sapug* putih. Bagi pesakit tidak mempunyai tatabusana khas (Rahayu, 2019).

Kelima adalah memerlukan adanya sesajen. Sesajen digunakan sebagai medium berdo'a agar persembahan upacara ritual menjadi suci dan khusyuk. Bentuk sesajen terdiri daripada yang mudah sehingga pada yang mengandungi pelbagai bahan yang kompleks. Sesajen tersebut dipercayai mempunyai nilai mistik. Selain itu, sesajen juga mempunyai makna simbolik yang sarat dengan ajaran berharga daripada warisan nenek moyang.

Pelbagai macam sesajen yang terdapat dalam persembahan upacara ritual dan tari pakon terdiri daripada *nasik bao* (beras yang telah dimasak kemudian dimasukkan ke dalam cawan atau gelas dan di dalam longgokan beras itu di masukkan telur rebus), *aik cecane* (air rendaman kayu cendana), mayang (bunga pohon pinang), kain putih, *aik kenyamen* (air kelapa muda), tatabusana yang serba baru, cili api dan garam sebagai sambal atau perasa makanan, *menik siong* (nasi yang digoreng), *empok-empok menik siong* (popcorn), pinang, sirih, rokok dan *sampak* (kuali besar) (Rafsanjani, 2017).

Keenam adalah matlamat lebih penting daripada kehendak. Fungsi utama dari tari pakon ini bukanlah sebagai sarana hiburan tetapi sebagai sarana dalam perubatan (Laki, 2020). Persembahan tari yang berfungsi sebagai sarana upacara ritual sentiasa berkaitan dengan sesuatu yang ghaib dan di luar batas kemampuan manusia secara amnya. Persembahan sebuah tarian mengandungi beragam fungsi seperti yang diterangkan oleh Curt Sachs dalam bukunya yang bertajuk *History of the Dance* (1937) bahawa terdapat dua fungsi utama tari iaitu untuk tujuan magis dan sebagai tontonan. Fungsi untuk

tujuan magis adalah untuk mempengaruhi keadaan dunia manusia dan persekitarannya seperti hujan, kesuburan, peperangan, kelahiran, berkhatan, haid, melubangi cuping telinga, memotong gigi, sakit, kematian, percintaan, dan sebagainya. Kedua adalah mengungkapkan fungsi tari sebagai tontonan iaitu sebagai pertunjukan.

Fungsi yang lebih kompleks dibincangkan oleh Gertrud Prokosch Kurath dalam artikelnya yang bertajuk *Panorama of Dance Ethnology* (1960) beliau membincangkan bahawa tari memiliki 14 fungsi dalam kehidupan manusia. Fungsi-fungsi tersebut iaitu 1) untuk permulaan kematangan kanak-kanak, 2) untuk percintaan, 3) untuk persahabatan, 4) untuk profesion, 5) untuk pertanian, 6) untuk perkahwinan, 7) untuk astrologi, 8) untuk memburu haiwan, 9) untuk meniru tingkah laku haiwan, 10) untuk meniru perang, 11) untuk penyembuhan, 12) untuk kematian, 13) untuk kerasukan dan 14) untuk jenaka. Apabila dilihat daripada fungsi keseluruhan yang diterangkan oleh Kurath, pengkaji melihat terdapat dua fungsi tari secara umum iaitu sebagai upacara ritual dan sebagai tontonan. Sebagai upacara ritual terlihat dari fungsi tari iaitu untuk permulaan kematangan kanak-kanak, untuk perkahwinan, memburu haiwan, penyembuhan, meniru perang, kematian dan kerasukan. Manakala fungsi tari sebagai tontonan meliputi untuk percintaan, persahabatan, profesion, pertanian, astrologi, meniru tingkah laku haiwan dan jenaka.

Fungsi tari yang lebih khusus dibincangkan oleh Soedarsono (2002) beliau membincangkan bahawa seni pertunjukan mempunyai dua fungsi iaitu fungsi primer dan fungsi sekunder. Fungsi primer tari iaitu sebagai sarana ritual, sebagai ekspresi peribadi yang pada amnya berupa hiburan peribadi dan sebagai persembahan estetik.



Kajian membincangkan mengenai tari *gelang dadas* yang merupakan tari ritual yang dianggap memiliki nilai mistik dan suci. Tari ini bertujuan untuk meminta penyembuhan pada Tuhan bagi orang yang terdedah pelbagai penyakit baik secara moden dan non-moden. Nilai-nilai yang terkandung dalam pelaksanaan tari *gelang dadas* adalah nilai dalam seni dan budaya, nilai budaya dalam hubungan manusia dengan alam, nilai budaya dengan masyarakat dan nilai budaya dengan individu. Manakala fungsi yang terdapat dalam tari *gelang dadas* adalah dalam bentuk fungsi sosial, fungsi individu dan fungsi ritual. Dalam kajian ini, tidak diterangkan dengan jelas mengenai teknik analisis data yang digunakan dalam melakukan penyelidikan.

Nurmaizar (2012) dalam kajiannya bertajuk Tari dalam Teater Tradisional

Makyong di Sumatera Utara membincangkan bahawa kehadiran tarian dalam teater Makyong amat penting kerana dalam setiap babak sentiasa ada tarian yang diiringi muzik. Terdapat dua fungsi persembahan tarian dalam teater Makyong iaitu pertama, sebagai hiburan dan kedua sebagai perantara antara satu babak dengan babak yang lain. Gerak-geri tarian dalam persembahan teater Makyong tidak mengikat tetapi harus mengikut peraturan tarian Melayu yang berakar padatradisi. Kajian ini sangat membantu pengkaji dalam melihat fungsi tari pakon dalam persembahan ritual pakon.

Fungsi tari juga turut dibincangkan oleh Tesya Rizki Amzani, et al. (2019) dalam kajiannya yang bertajuk Fungsi Tari Rumah Inai dalam Upacara Adat Perkawinan pada Masyarakat Melayu Desa Tasik Serai. Persembahan tari rumah inai mempunyai dua fungsi iaitu memohon perlindungan daripada Allah dan menolak musibah yang bakal melanda kehidupan rumah tangga.



Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Treny Hera dalam artikelnya yang bertajuk Fungsi Tari Tanggai Palembang. Dalam artikel tersebut ia menerangkan bahawa sehingga ke hari ini tari tanggai Palembang masih tetap dipersembahkan kerana kewujudannya dianggap mempunyai peranan penting oleh masyarakat penyokongnya. Tarian tanggai Palembang ini digunakan oleh masyarakat Palembang untuk menjalin sistem persahabatan masyarakat Palembang dengan tetamu yang datang dari dalam mahupun luar Palembang. Tari tanggai Palembang ini mempunyai fungsi primer dan fungsi sekunder. Fungsi primer tari tanggai Palembang ini ialah sebagai medium dalam hiburan dan sebagai tontonan. Manakala fungsi sekunder tari tanggai Palembang ini ialah sebagai *legitimasi* pertanda acara dimulai dalam acara rasmi mahupun tidak rasmi. Kajian ini memiliki kelemahan dalam metodologi kajiannya iaitu pengkaji tidak menerangkan secara teliti mengenai apa-apa sahaja teknik pengumpulan data yang digunakannya dalam melakukan kajian. Seterusnya pengkaji juga tidak menerangkan mengenai teknik analisis data yang digunakannya dalam kajian, pengkaji hanya menerangkan mengenai metode kajian yang digunakannya iaitu metode deskriptif.

Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Ayu Restuningrum et al. (2017) yang bertajuk Nilai dan Fungsi Tari Lenggang Nyai. Dalam kajiannya pengkaji menerangkan mengenai nilai-nilai dan fungsi apa sahaja yang terdapat dalam persembahan Tari Lenggang Nyai. Nilai yang terkandung dalam persembahan tari lenggang nyai ini iaitu nilai keindahan dan nilai moral. Dalam setiap persembahan tentu memiliki nilai keindahannya dan tari lenggang nyai ini merupakan tari yang diberikan perpaduan sedikit sentuhan Cina dan mempunyai keindahan dan kesan yang berbeza. Nilai moral pada persembahan tari lenggang nyai ini iaitu kebingungan, kesedihan, malu,



keyakinan, bahagia, percaya diri, keberanian, dan cinta sejati. Nilai moral ini merupakan mesej yang disampaikan kepada kaum perempuan yang tengah menentukan pilihan hidup. Dalam tarian lenggang nyai ini kita dapat mengerti bagaimana menjadi seorang perempuan yang harus mempunyai prinsip yang sangat kuat dan berani dalam mengambil keputusan dengan resiko apapun yang dihadapinya dengan hati dan pemikiran yang damai. Mengenai fungsi tari lenggang nyai ialah sebagai hiburan, pertunjukan dan media pendidikan. Tari lenggang nyai pertama kali ditampilkan pada acara Liga Mandiri di Gelora Bung Karno untuk membuat penonton tidak merasa bosan. Inilah yang menunjukkan bahwa tari lenggang nyai mempunyai fungsi sebagai hiburan, namun dengan seiring berjalannya waktu tari lenggang nyai sudah dikenal di masyarakat secara luas terbukti dengan seringnya tari lenggang nyai dipersembahkan pada acara-acara pernikahan maupun acara lainnya inilah bukti yang menunjukkan bahwa tari lenggang nyai memiliki fungsi sebagai sarana pertunjukan. Dan yang terakhir tari lenggang nyai sudah mulai dipelajari di lembaga pendidikan salah satunya di Universitas Negeri Semarang sebagai mata kuliah yang diajarkan.

1.7.4 Pakon

Kajian mengenai bentuk dan fungsi tari pakon diterangkan dalam kajian yang dijalankan oleh Rahayu (2019) yang bertajuk *Bentuk dan Fungsi Persembahan Tari Pakon di Studio Seni Nelio, Desa Lenek Ramban Biak, Daerah Aikmel, Daerah Lombok Timur-NTB*. Kajian ini membincangkan bentuk dan fungsi yang terdapat dalam tari





pakon yang digunakan sebagai sarana perubatan dalam ritual *pakon*. Bentuk persembahan tari *pakon* terdiri daripada gerakan tari yang merupakan gerakan *non-representasi*, iringan muzik gamelan yang disebut *gending pewayangan*, solekan, busana, pencahayaan, tata suara, susun atur pentas dan perlengkapan. Sedangkan fungsi yang terdapat dalam persembahan ritual tari *pakon* untuk masyarakat ini adalah fungsi sebagai ritual perubatan, fungsi hiburan, fungsi ekonomi dan fungsi sosial.

Kajian ini dijalankan di Sanggar Seni Nelio sehingga wajar bila ada pengaturan susun atur pentas, suara, dan busana kerana fokusnya lebih pada ritual tari *pakon* yang dipersembahkan atau sebagai alat hiburan. Berbeza jika kajian dijalankan langsung oleh masyarakat Desa LRB secara langsung yang dijalankan dengan cara yang sangat sederhana dan hanya menggunakan halaman rumah masyarakat sebagai tempat persembahan, busana sederhana dan tidak memerlukan alat solek.

Kajian mengenai ritual *pakon* seterusnya, turut dibincangkan oleh Rafsanjani (2017) yang bertajuk *Nilai Sosial Ritual Tari Pakon Desa Lenek Ramban Aik Mel Lombok Timur*. Kajian ini membincangkan mengenai proses yang terdapat dalam ritual *pakon*, nilai-nilai sosial dan fungsi yang terkandung dalam pelaksanaan ritual *pakon* serta usaha masyarakat dalam menjaga kelestari ritual *pakon*. Kajian ini dijalankan Desa LRB di Sanggar Cupu Mas. Mengenai proses yang terdapat dalam ritual *pakon*, terdiri daripada tiga tahap iaitu tahap persiapan seperti menyediakan semua peralatan yang diperlukan dalam menjalankan ritual, tahap pelaksanaan yang merupakan inti dari proses penyembuhan dan tahap penutup yang ditandai dengan makan bersama dengan hidangan yang disajikan oleh keluarga pesakit. Nilai sosial yang terkandung dalam





bentuk nilai agama, nilai solidariti sosial, nilai gotong royong dan nilai keluarga. Mengenai fungsinya pengkaji membincangkan bahawa ada empat fungsi dalam pelaksanaan ritual *pakon* iaitu sebagai sarana perubatan, hiburan untuk masyarakat, pelestari budaya, dan meningkatkan rasa kebersamaan. Atas usaha yang dijalankan oleh masyarakat LRB dalam menjaga ritual *pakon* iaitu pertumbuhan semula pelakon ritual.

Kajian mengenai ritual *pakon* terdapat satu kajian yang membincangkan mengenai sejarah dari ritual *pakon* iaitu kajian yang dijalankan oleh Aron B. Laki (2020) di desa Pengadangan yang bertajuk *Pakon. A Forgotten Tradition from Lombok*. Laki membincangkan bahawa ritual *pakon* adalah upacara ritual pengusiran roh yang dijalankan oleh masyarakat Pengadangan bila terdapat wanita tua yang terdedah penyakit pada bahagian pinggang atau lutut. Berdasarkan kajian yang dijalankannya bahawa *pakon* tidak pernah dipersembahkan lagi sejak tahun 1980an kerana persembahannya dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Laki juga turut membincangkan bahawa *pakon* adalah salah satu bahagian penting yang dimiliki oleh masyarakat Desa Pengadangan kerana melihat dari fungsi utamanya iaitu sebagai sarana untuk perubatan. *Pakon* yang terdapat di desa Pengadangan dengan Desa LRB merupakan upacara ritual yang memiliki fungsi yang sama tetapi mempunyai perbezaan-perbezaan dalam persembahannya. Perbezaan tersebut terdapat pada tahapan pelaksanaan, sesajen, alat muzik yang digunakan, dan masa persembahan.

Selain itu, dalam kajian tersebut laki membandingkan ritual *pakon* dengan ritual perubatan yang terdapat di Semenanjung Malaya iaitu *Malay Magic* yang merupakan





karya yang dituliskan oleh Walter William Skeat. Laki menemukan banyak persamaan yang terdapat pada kedua ritual tersebut yang terlihat dari unsur-unsur yang terdapat dalam ritual perubatan tersebut seperti membutuhkan kehadiran roh, adanya sesajen, penggunaan bunga palem yang digunakan untuk memukul bagian tubuh yang sakit dan lainnya.

Kajian mengenai iringan muzik dalam ritual *pakon* yang berupa *Gending pewayangan Sasak* turut dibincangkan oleh Hary Murcahyanto, Yuspianal Imtihan, Riyana Rizki Yuliatin, dan Bq. Husna Fitriyana (2021) yang bertajuk *Gending pewayangan Sasak*. Kajian ini membincangkan mengenai struktur dan bentuk dari *gending* pewayangan. *Gending pewayangan Sasak* merupakan *gending* yang digunakan sebagai iringan ritual *pakon*. Pengkaji membincangkan bahawa *Gending pewayangan Sasak* memiliki struktur yang terbahagi padaempat iaitu, intro, eksposisi, *bridge*, dan koda. Sementara itu, bentuk dari *Gending pewayangan Sasak* dibahagi padatiga bahagian iaitu *gending* penyaji *pakon* pada introduksi dan eksposisi, *gending pendodok* roh pada *bridge* dan *ending* *pakon* pada coda. Lebih lanjut pengkaji membincangkan bahawa walaupun namanya muzik *Gending pewayangan Sasak* tetapi dalam persembahannya itu tidak digunakan untuk menemani pertunjukan wayang kulit dan sama sekali tidak terdapat unsur wayang di dalamnya. *Gending pewayangan Sasak* ini terdiri daripada pelbagai alat muzik iaitu dua buah gendang, *suling belo*, *petuk*, dua buah *rincik*, *cecenak*, *kekajar*, *kekanat*, *gong*, *saron* (*pemugah*, *saron*, *kantil* dan *penyelah*). Dalam kajian ini tidak dibincangkan mengenai teknik analisis data yang digunakan dalam melakukan pengkajian.



Setelah meninjau literatur pengkaji menemukan hanya terdapat empat sahaja kajian yang membincangkan mengenai ritual pakon. Daripada keempat kajian tersebut hanya satu kajian yang membincangkan mengenai bentuk dan fungsi dari persembahan ritual pakon selebihnya membincangkan mengenai sejarah ritual, nilai-nilai sosial yang terdapat dalam ritual pakon dan muzik iringan dalam persembahan ritual pakon. Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini akan membincangkan mengenai latar belakang upacara ritual pakon, bentuk persembahan tari pakon, dan fungsi yang terdapat dalam persembahan tari pakon dalam upacara ritual pakon.

1.8 Metodologi Kajian

Salah satu tugas pengkaji dalam menjalankan kajian adalah menentukan kaedah kajian yang digunakan dalam kajiannya. Kaedah yang digunakan mestilah sesuai dengan konteks kajian untuk memudahkan pengkaji menjalankan proses pelaksanaan kajian. Penggunaan kaedah kajian yang sesuai dapat menghasilkan data yang tepat. Bab ini membincangkan mengenai reka bentuk kajian, sampel kajian, teknik pemerolehan data, dan teknik analisis data.

1.8.1 Reka Bentuk Kajian


Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Secara amnya kajian kualitatif bermaksud kajian yang menghasilkan hasil yang tidak melalui prosedur

statistik atau bentuk anggaran lain (Othman Lebar, 2021; Straus & Corbin, 1997). Kajian kualitatif ini sangat sesuai untuk menjawab masalah yang tidak diketahui oleh pemboleh ubah dan diperlukan untuk menerokainya. Dalam kajian kualitatif selain hasil, kajian ini pula lebih menfokuskan padaproses penghasilan kerana proses yang baik akan memberikan hasil yang baik pula. Pengkaji memilih kajian kualitatif kerana kajian ini dapat membincangkan secara leluasa mengenai peristiwa yang terjadi terutamanya mengenai persembahan tari pakon dalam masyarakat Desa Lenek Ramban Biak.

Kajian kes adalah kajian empirikal yang mengkaji fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan nyata terutamanya apabila batas antara fenomena dan konteks mungkin tidak dapat dilihat dengan jelas (Robert K. Yin, 2015). Kajian ini membincangkan fenomena tertentu dalam masyarakat seperti apa yang ada dalam masyarakat, adakah terdapat gejala sosial yang unik, khas, dan tidak umum. Kajian kes ini biasanya dijalankan kerana pengkaji berminat untuk meneroka, mengembangkan pengalaman, membuat tafsiran, mengesahkan perkara yang tidak diketahui dan memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai sesuatu peristiwa. Kes mungkin sederhana atau kompleks oleh itu pengkaji harus memilih satu kes yang benar-benar spesifik. Maksudnya agar perhatian dan fokus kajian tidak terbahagi dan pengkaji dapat menghasilkan kajian yang fokus dan mendalam (Endraswara, 2012; Stake, 1994). Dalam perkara ini pengkaji menggunakan kajian kes kerana pengkaji ingin meneroka dan memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai persembahan upacara ritual dan tari pakon yang terdapat dalam masyarakat di Desa Lenek Ramban Biak. Kajian ini membincangkan mengenai latar belakang ritual pakon, bentuk persembahan tari pakon dan fungsi tari pakon dalam persembahan ritual pakon.

Langkah pertama, yang dijalankan oleh pengkaji adalah menonton persembahan ritual dan tari pakon melalui *YouTube* tanpa memberikan tafsiran mengenai persembahan tersebut. Langkah seterusnya, adalah pengkaji menghubungi rakan yang tinggal di Desa Lenek Ramban Biak untuk memohon pertolongan untuk menghubungkannya dengan pelakon upacara ritual pakon. Pengkaji membuat perjanjian dengan pelakon ritual untuk menjalankan proses ritual pakon pada sekitar bulan Mac 2022. Pengkaji dalam hal ini meminta untuk merakam proses aktiviti ritual pakon dari tahapan persiapan, pelaksanaan dan tahapan penutup untuk memastikan maklumat yang diperoleh berdasarkan daripada yang sebenarnya. Dalam mempermudah proses mendapatkan maklumat, pengkaji selalu menjalin komunikasi dengan informan utama yang bertindak sebagai *tengkorong* dalam pelaksanaan ritual pakon iaitu Papuk Nuh.

Terdapat tiga objektif kajian dalam kajian ini iaitu 1) Mendeskripsikan latar belakang upacara ritual pakon dalam masyarakat Desa Lenek Ramban Biak 2) Menganalisis bentuk persembahan tari pakon dalam masyarakat Desa Lenek Ramban Biak 3) Menjustifikasikan fungsi tari pakon dalam upacara ritual pakon masyarakat Desa Lenek Ramban Biak, pengkaji membuat kerangka seperti berikut:



Rajah 1.2. Proses Kajian (Diolah daripada Deny Susanti, 2021)



Kajian ini dimulakan dengan tinjauan literatur, yang mencari sumber bacaan dalam bentuk buku, artikel, jurnal, tesis, disertasi, majalah dan lainnya. Fokus pembacaan adalah pada perbincangan mengenai ritual perubatan, ritual pakon, kebudayaan Indonesia, antropologi dan bentuk persembahan tari, sistem kepercayaan, perubatan tradisional, fungsi tari, tari pakon, masyarakat suku sasak dan lainnya. Di samping itu, pengkaji pula menambahkan rujukan padatradisi budaya termasuk agama, etika, pantang larang, norma dan adat istiadat. Tinjauan literatur ini sangat penting bagi pengkaji untuk menambahkan pandangan mengenai topik yang dibangkitkan dalam kajian dan mempercepat proses kajian. Seterusnya, temu bual dijalankan dengan informan iaitu pelakon upacara ritual pakon, pemerhati budaya dan masyarakat Desa Lenek Ramban Biak yang turut serta dalam menyokong proses pelaksanaan upacara ritual pakon. Temu bual dijalankan sebelum dan setelah menjalankan persembahan upacara ritual pakon. Data yang didapatkan dari temu bual seterusnya, direkodkan dalam bentuk bertulis untuk memudahkan proses analisis data. Seterusnya, data yang telah dianalisis kemudian ditafsirkan menjadi penulisan ilmiah dalam bentuk tesis.

1.8.2 Sampel

Penentuan sampel dalam kajian ini, menggunakan *snowball sampling*. Menurut Patton (2014) *snowball sampling* adalah pemilihan sampel dengan mencari informan utama yang mempunyai banyak maklumat. Hubungan awal akan membantu pengkaji mendapatkan informan lain melalui cadangan daripada pemberi maklumat utama. Menurut (Creswell, 2020) *snowball sampling* dijalankan dengan cara pengkaji meminta



peserta mengenal pasti orang lain untuk menjadi ahli sampel. *Snowball sampling* seperti bola salji yang bergolek yang pada mulanya kecil tetapi ia menjadi lebih besar dari masa ke masa. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti tiga informan utama dalam menjalankan kajian ini.

Informan datang daripada pelakon ritual pakon, masyarakat penyokong dan pemerhati budaya. Daripada pelakon ritual terdapat Papuq Nuh sebagai sampel utama. Pemilihan beliau sebagai sampel utama adalah kerana beliau merupakan keturunan pelakon ritual pakon sebelum ini dan beliau juga merupakan pemimpin tradisi yang disegani di masyarakat Desa Lenek Ramaban Biak. Selain itu, dalam upacara ritual pakon beliau memainkan peranan sebagai *tengkorong* jadi beliau merupakan salah seorang tokoh penting dalam menjalankan proses ritual. Inilah sebab utama pengkaji memilihnya sebagai sampel utama dalam kajian ini. Informan daripada masyarakat penyokong adalah Ade Widiwan, beliau dipilih sebagai informan utama kerana beliau merupakan seorang pemimpin muda yang terdidik dan disegani oleh masyarakat Desa Lenek Ramban Biak. Beliau juga merupakan keturunan daripada pelakon upacara ritual pakon sebelumnya. Seterusnya, daripada pemerhati budaya pengkaji menetapkan Lalu Malik Hidayat kerana beliau merupakan pemerhati budaya yang sangat terkenal di Lombok, Nusa Tenggara Barat. Selain itu, beliau juga merupakan ketua Sanggar Gedeng Kedaton. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas mengenai budaya Indonesia khususnya budaya yang terdapat di pulau Lombok.



1.8.3 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan di Desa Lenek Ramban Biak. Kajian kes ini menggunakan beberapa kaedah dalam pemerolehan data iaitu a) tinjauan literatur, b) temu bual dan c) dokumentasi. Langkah pertama, dalam pemerolehan data adalah tinjauan literatur. Tinjauan literatur adalah aktiviti yang merangkumi pencarian, membaca, meneroka laporan kajian dan bahan perpustakaan yang mengandungi teori-teori yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Tinjauan literatur menggunakan bahan bacaan dalam bentuk buku, artikel, jurnal, tesis, disertasi, majalah dan lain-lain. Matlamatnya adalah untuk memudahkan pengkaji menjalankan kajiannya. Sumber bacaan ini boleh dijadikan rujukan dalam kajian yang dijalankan.

untuk menjalankan pemerhatian ke lokasi yang berkaitan, tinjauan literatur memainkan peranan penting untuk mengetahui lebih lanjut mengenai upacara ritual pakon. Terdapat empat jurnal dijumpai oleh pengkaji mengenai ritual pakon tersebut iaitu mengenai sejarah ritual pakon, bentuk dan fungsi persembahan tari pakon, bentuk *gending* pengiring tari pakon iaitu *Gending pewayangan Sasak* dan yang terakhir mengenai nilai sosial yang terkandung dalam ritual pakon. Selain itu, tidak terdapat buku dan majalah yang memuat maklumat mengenai persembahan upacara ritual pakon. Oleh sebab itu pengkaji pula mencari maklumat hanya di beberapa laman web.

Tahap kedua dalam pemerolehan data adalah temu bual. Menurut Yin (2015) salah satu sumber maklumat terpenting mengenai kajian kes adalah temu bual dan yang paling *general*, temu bual kajian kes adalah jenis *open ended* di mana pengkaji dapat

bertanya padainforman utama mengenai fakta sesuatu peristiwa selain pendapat mereka mengenai peristiwa yang berlaku. Selari dengan itu Creswell (2020) membincangkan bahawa temu bual berlaku apabila pengkaji mengemukakan pelbagai persoalan yang bersifat *open ended* sehingga informan dapat menyuarakan pengalaman mereka dengan sebaik mungkin tanpa dibatasi oleh perspektif pengkaji atau penemuan pengkaji terdahulu. Dalam menjalankan temu bual pengkaji harus mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang (Lebar, 2021).

Temu bual adalah proses interaksi yang berlaku antara penemu bual dan informan melalui komunikasi langsung. Temu bual memang seharusnya dijalankan secara bersemuka (*face to face*) namun melihat keadaan pandemik Covid-19 yang belum berakhir, pengkaji memiliki alternatif untuk menjalankan temu bual dalam talian atau temu bual telefon dengan para informan. Menurut Creswell (2020) temu bual telefon adalah proses memperoleh data dengan menggunakan telefon untuk mengemukakan sebilangan kecil pertanyaan umum. Untuk mempermudah proses dengan pengembangan teknologi yang semakin canggih dalam temu bual ini, pengkaji menggunakan aplikasi *Google Meet* dan *whatsapp* untuk menjalankan temu bual. Selain dapat bersemuka dalam talian, *Google Meet* mempunyai kemudahan merakam proses pelaksanaan panggilan video sehingga pengkaji tidak perlu menyiapkan alat rakaman dan aplikasi *whatsapp* digunakan kerana penggunaannya sangat mudah. Menurut Creswell (2020) salah satu kekurangan temu bual dalam talian adalah pengkaji tidak dapat bersemuka secara langsung dengan informan sehingga menyebabkan komunikasi yang terbatas dan dapat mempengaruhi kemampuan pengkaji untuk memahami persepsi informan mengenai topik kajian.



Melihat keadaan ini, pengkaji menjalankan temu bual semi berstruktur dengan informan yang dipilih. Menurut (Lebar, 2021) temu bual semi berstruktur melibatkan penemu bual menggunakan set soalan-soalan yang ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan pada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipasi. Temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan sub faktor. Pengkaji memberitahu informan untuk menjalankan temu bual dengan cara semi berstruktur matlamatnya agar informan bersedia dan tidak gementar ketika menjalankan proses pelaksanaan temu bual. Para informan terdiri daripada Papuq Nuh (79 tahun) sebagai *tengkorong*, Ade Widiwan (27 tahun) sebagai masyarakat penyokong, Lalu Malik Hidayat (54 tahun) sebagai pemerhati budaya.



Tahap ketiga adalah dokumentasi. Dalam proses pemerolehan data ini, pengkaji mengumpulkan data dengan cara mengambil gambar dan rakaman video. Menurut Creswell (2020) bahan audio-visual terdiri daripada gambar atau bunyi yang dikumpulkan oleh pengkaji untuk membantu memahami fenomena pusat yang sedang dikajinya. Dalam proses dokumentasi, pengkaji menjalankan: mengumpulkan audio dan video proses temu bual, proses persiapan, pelaksanaan dan penutupan persembahan upacara ritual dan tari pakon dan kelengkapan yang diperlukan dalam persembahan upacara ritual dan tari pakon. Rakaman ini akan menggunakan kamera dan *camcorder* agar hasil yang diperoleh nampak lebih baik dan jelas.



1.8.4 Teknik Analisis Data

Proses analisis data merupakan prosedur analitik yang melibatkan pemeriksaan makna-makna ke atas kata-kata dan tindakan manusia (Lebar, 2021). Teknik analisis data dapat difahami sebagai cara untuk memproses data yang diperoleh daripada hasil yang telah dijalankan pada tahap pemerolehan data. Teknik analisis data dapat difahami sebagai cara untuk memproses data yang diperoleh daripada hasil yang telah dijalankan pada tahap pemerolehan data melalui temu bual, dokumentasi, dan nota lapangan dengan mengklasifikasikan data ke dalam kategori, menyusun corak, memilih dan menilai data mana yang penting untuk dikaji sehingga memudahkan pengkaji membuat kesimpulan sehingga dapat difahami oleh mereka sendiri dan pembaca lain dengan mudah (Sugiyono, 2016). Dalam kajian ini, analisis data dijalankan untuk menemukan jawapan dari persoalan kajian, menggunakan sumber kajian yang didapatkan dari tinjauan literatur, temu bual dalam talian, dan dokumentasi. Proses ini dijalankan secara berterusan selama pelaksanaan kajian. Kajian ini menggunakan teknik analisis data yang diterangkan oleh Miles & Huberman.

Menurut Miles & Huberman (2014) analisis data terdiri daripada tiga kaedah aktiviti yang terjadi secara bersamaan iaitu penyederhanaan data, persembahan data dan kesimpulan atau verifikasi. Tahap pertama, iaitu penyederhanaan data, proses pemilihan lebih menfokuskan pada penyederhanaan, lebih menumpukan padapenyederhanaan, pengabstrakan dan transformasi data mentah yang diperoleh dari padang. Semua data yang diperoleh pengkaji mengenai 1) latar belakang upacara ritual pakon, 2) bentuk persembahan tari pakon dan 3) fungsi tari pakon dalam upacara ritual

pakon. Tahapan seterusnya, yang dijalankan pengkaji adalah memilih dan mengklasifikasikan data yang diperlukan dalam kajian.

Tahap kedua iaitu persembahan data dimana Miles & Huberman (2014) mengehendkan penawaran sebagai satu set pernyataan berstruktur yang memberikan kemungkinan kesimpulan dan mengambil tindakan. Hasil dari data yang disederhanakan seterusnya, akan dipersembahkan dan dijalankan dalam bentuk huraian singkat, bagan, hubungan antar kategori dan sebagainya. Menurut Miles & Huberman (2014) yang paling sering digunakan dalam kajian kualitatif untuk mempersembahkan data adalah dengan menggunakan teks naratif. Tahap ketiga iaitu kesimpulan atau verifikasi yang merupakan langkah terakhir dalam menjalankan analisis data. Menurut Miles & Huberman (2014) kesimpulan hanyalah sebahagian dari satu kegiatan dari konfigurasi yang utuh. Kesimpulan sementara akan terus berkembang selari dengan penemuan data baru dan pemahaman baru sehingga akan terhasil suatu kesimpulan yang sesuai dengan keadaan yang sebenarnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Tidak banyak kajian mengenai tarian Pakon. Bagi menambah pengetahuan tentang kesenian Lombok khususnya seni tari Pakon, perlu memperbanyakkan kajian ilmiah terhadap tarian tersebut. Tarian pakon juga menjadi identiti masyarakat setempat iaitu masyarakat Sasak dalam baka lenek keramban. Dengan menjalankan kajian terhadap tarian Pakon, pengkaji turut membantu mengekalkan kesenian sedia ada dalam bentuk

karya ilmiah. Memandangkan banyak kesenian tempatan yang ditinggalkan oleh pelakon dan masyarakatnya atas pelbagai sebab, maka adalah wajar untuk menghidupkan semula seni dalam apa jua bentuk seperti filem, kartun, animasi, permainan, buku dan lain-lain. Analisis komprehensif dalam mengkaji mengenai fungsi persembahan tari pakon dalam upacara ritual pakon mempunyai beberapa faedah bagi:

1.9.1 Masyarakat

Kajian ini boleh menjadi arkib atau dokumen penting bagi masyarakat Desa Lenek Ramban Biak, Kecamatan Lenek, Kabupaten. Lombok Timur. Kajian ini pula dapat membantu masyarakat mengenal budaya yang sudah ada pada mereka. Kajian ini pula mengandungi perintah padamasyarakat umum dan generasi muda untuk terus menerapkan nilai-nilai tradisi dan budaya agar tetap kekal, lestari dan tidak hilang mengikut masa. Nilai-nilai dalam persembahan tradisional sentiasa digunakan oleh manusia untuk merenung kehidupan dan membimbing manusia untuk hidup mengikut norma yang berlaku dalam masyarakat. Mendokumentasikan kertas kerja ini dalam bentuk karya ilmiah juga membantu masyarakat memperkenalkan tradisi mereka dengan lebih meluas khususnya dalam dunia akademik.

1.9.2 Pengkaji

Kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan untuk pengkaji seterusnya, yang ingin mengkaji mengenai ritual dan tari pakon. Kajian ini pula dapat digunakan sebagai bahan bacaan untuk menambah perbendaharaan teori yang berkaitan dengan ritual dan tari pakon yang berlaku pada masyarakat Desa Lenek Ramban Biak. Melalui kajian ini, pengkaji juga dapat mencipta bentuk seni baru khususnya tarian di samping mengekalkan nilai-nilai yang terkandung dalam ritual tarian Pakon.

1.9.3 Praktikal

Kajian ini penting untuk meningkatkan pengetahuan praktikal tari terutamanya bagi mereka yang berminat untuk mengkaji mengenai tari yang berfungsi sebagai sarana dalam upacara ritual. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan dan maklumat padapraktikal mengenai tari yang tidak hanya berfungsi sebagai sarana hiburan tetapi lebih dari itu tari juga memiliki fungsi sebagai sarana ritual. Fungsi sebagai sarana ritual masih berkembang dalam masyarakat yang masih berpegang pada tradisi budaya.



1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini tertumpu padalima perkara iaitu pertama, teori yang digunakan dalam kajian, kedua pemilihan sampel dan lokasi kajian, ketiga jangka masa kajian, keempat fokus padapersembahan upacara ritual dan tari pakon dan kelima mengenai kaedah kajian yang digunakan dalam kajian untuk menganalisis mengenai latar belakang ritual pakon, bentuk persembahan tari pakon, dan untuk mengetahui fungsi persembahan tari pakon dalam upacara ritual pakon.

Kajian ini menggunakan teori Fungsi Manifes dan Fungsi Laten dari Robert K. Merton. Teori yang bincangkan oleh Robert K. Merton digunakan pengkaji untuk menganalisis fungsi yang terdapat dalam persembahan tari pakon pada upacara ritual pakon. Teori ini sangat tepat digunakan untuk melihat fungsi yang tampak atau disedari dan fungsi yang tidak tampak atau tidak disedari oleh peserta dalam tari pakon. Sampel utama dalam kajian yang dijalankan ini adalah papuq Nuh yang bertindak sebagai *tengkorong* pada ritual pakon. Sampel kedua terdiri daripada pemerhati budaya iaitu Lalu Malik Hidayat, dan masyarakat penyokong iaitu Ade Widiwan. Kajian ini dijalankan di Desa Lenek Ramban Biak Kecamatan Lenek, Daerah Lombok Timur, Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB), Indonesia. Kajian ini fokus untuk menghuraikan mengenai latar belakang ritual pakon, bentuk persembahan tari pakon, dan fungsi persembahan tari pakon dalam upacara ritual pakon. Lokasi kajian ini dipilih kerana ritual pakon hanya terdapat di Desa Lenek Ramban Biak. Ritual pakon merupakan harta budaya yang berupa peninggalan nenek moyang masyarakat Desa tersebut.



Kajian ini menggunakan jenis kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah tinjauan literatur, temu bual dan dokumentasi. Teknik analisis data yang digunakan adalah berdasarkan pandangan daripada Miles dan Huberman yang terdiri daripada tiga tahapan iaitu penyederhanaan data, persembahan data dan kesimpulan atau verifikasi. Pemilihan jenis kajian ini kerana kajian kualitatif sangat relevan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Mengenai jangka masa kajian, pengkaji memperkirakan selama enam bulan.

1.11 Definisi Istilah

Terdapat pelbagai istilah penting dalam kajian ini yang digunakan oleh pengkaji. Definisi istilah perlu diwujudkan untuk mengharmonikan pemahaman tentang istilah yang akan digunakan dalam penyelidikan. Dengan pemahaman yang sama tentang istilah, tidak akan ada bias dalam mentafsir makna. Dalam hal ini, pengkaji akan membincangkan maksud istilah tersebut agar tidak menimbulkan kesalahan dalam pentafsiran maknanya.

1.11.1 Fungsi

Fungsi adalah akibat daripada tindakan yang memberi kesan pada proses mewujudkan integrasi dalam masyarakat (Doyle P. Johnson, 1986). Sedangkan menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, fungsi berarti penggunaan sesuatu. Fungsi selalunya

mempunyai hubungan dengan sesuatu yang berbentuk positif. Sedangkan dalam kajian ini fungsi yang dimaksudkan pengkaji adalah fungsi manifes (*intended*) dan fungsi laten (*unintended*) yang terdapat dalam persembahan tari pakon pada upacara ritual pakon dalam masyarakat LRB.

1.11.2 Ritual Pakon

Menurut Rapsanjani (2017) ritual pakon adalah ritual perubatan yang dijalankan oleh masyarakat Desa LRB yang dapat menyembuhkan penyakit dengan menjalankan tari pakon. Seterusnya, menurut Laki (2020) ritual pakon dijalankan sekiranya seseorang terutama wanita tua terdedah penyakit yang telah lama dihidapinya dan tidak terdapat tanda-tanda penyembuhan. Ritual pakon adalah ritual ajaib dan sakral untuk mengubati pelbagai macam penyakit tradisional menggunakan tari dan bantuan daripada pelbagai macam simbol yang dijalankan oleh si pesakit dalam keadaan dirasuki oleh roh nenek moyang.

1.11.3 Tari Pakon

Mengikut Rahayu (2019) Tari pakon dikenal sebagai tari mistik yang penuh dengan aura ajaib yang bermaksud untuk menyembuhkan penyakit. Tari pakon hanya dipersembahkan semasa pelaksanaan ritual pakon. Tari pakon merupakan tari yang



bersifat non-representasi bermaksud gerak tari tidak menggambarkan apa-apa dan lebih menjurus pada nilai rasa dan perkembangan imaginasi yang tidak ditujukan pada pengetahuan tentang masalah yang diungkapkan. Pergerakan tari tersebut melibatkan semua anggota tubuh dari kepala, badan, pinggang, tangan dan kaki. Menurut Laki (2020) tari pakon dipersembahkan dengan gerakan yang sangat lincah dan bertenaga.

1.11.4 *Tengkorong*

Dalam mempersembahkan tradisi dan budaya yang unik di sesuatu kawasan, sudah tentu perlu ada pelakon utama yang bertindak sebagai pengarah. Istilah pelakon utama yang melancarkan tradisi biasanya dipanggil bomoh. Namun dalam tradisi ritual pakon, bomoh disebut sebagai *tengkorong*. *Tengkorong* dalam hal ini mempunyai peranan yang sangat penting kerana adalah yang mengatur pelaksanaan ritual dari awal sehingga akhir.

Tengkorong dipilih berdasarkan pada garis keturunannya. *Tengkorong* yang dipilih bukan sahaja boleh menghafal doa dan mantera tetapi juga jiwanya pula harus dekat dengan alam ghaib. Lazimnya, seorang *tengkorong* dalam menjalankan upacara ritual tersebut akan menggunakan ikat kepala berwarna putih atau dalam bahasa Sasak dipanggil *sapug* dan kain sarung putih atau dipanggil *dodot*, maksud daripada warna putih itu adalah bersih dan suci.



1.11.5 *Amang-amang*

Adalah sebutan untuk pembantu *tengkorong* yang tugasnya menyediakan segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaan ritual pakon. Selain itu, *amang-amang* pula memiliki tugas untuk menjaga pesakit dalam menjalankan perubatan terutama ketika tari pakon dijalankan. *Amang-amang* boleh terdiri daripada lelaki atau perempuan. Kriteria istimewa yang perlu dimiliki oleh *amang-amang* khususnya perempuan adalah mereka telah mengalami monopis yang menandakan kesucian dan kebersihannya. *Amang-amang* lelaki hendaklah memakai ikat kepala tetapi tiada peraturan khas dari segi warna manakala *amang-amang* perempuan memakai tatabusana hitam dan kain batik.

1.11.6 *Gending Pewayangan Sasak*

Gending pewayangan Sasak adalah muzik yang digunakan untuk mengiringi karya tari yang dinamakan tari pakon dan muzik ini lahir bersamaan dengan tari pakon. Menurut Lalu Gede Semu, disebut *Gending pewayangan Sasak* bukan kerana terdapat permainan wayang di dalamnya tetapi kerana permainan tersebut menggunakan alat muzik *pewayangan* seperti dua buah gendang kecil, *petuk*, *rincik*, *cecenat*, seruling dan gong (Murcahyanto et al, 2021).

1.11.7 *Tembang*

Menurut Padmosekotjo *tembang* adalah gubahan bahasa atau sejenis karya sastra yang mempunyai peraturan tertentu seperti jumlah larik dalam baris dan gugurnya bunyi vokal di hujung baris dan dalam membacanya mesti dinyanyikan dengan seni bunyi (Widiyono, 2013). Menurut Heriwati (2010) *tembang* adalah bunyi vokal yang dinyanyikan oleh lelaki ataupun perempuan yang diiringi *gending* ataupun dalam bentuk solo. Penyanyi *tembang* tersebut disebut sebagai penembang yang dalam hal ini diertikan sebagai seseorang yang berperanan dalam melantunkan syair-syair tersebut. Dalam ritual pakon, tugas penembang adalah melantunkan lagu berbentuk kata-kata yang diiringi oleh alunan muzik dari *suling belo* bertujuan untuk menyedarkan pesakit dan *amang-amang* yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri.

1.11.8 *Sekahe*

Dalam penyelidikan ini yang dimaksud dengan sekahe ialah sekelompok orang yang berperan dalam memainkan alat-alat muzik tradisional di Lombok seperti gendang *belek*, gamelan dan lainnya. *Sekahe* biasanya terdiri daripada para laki-laki. Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) sekahe bermaksud sebagai pemukul gamelan.

1.12 Kandungan Bab Disertasi

Dalam memperoleh gambaran yang menyeluruh mengenai pembahasan dalam tesis ini, berikut ini akan diterangkan oleh pengkaji:

Bab pertama, ini mengandungi mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, tinjauan literatur, metodologi kajian, reka bentuk kajian, sampel, teknik pengumpulan data, teknik analisis data, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan kandungan bab tesis.

Bab kedua membincangkan mengenai mengenal suku sasak, sistem kepercayaan suku Sasak, diterangkan wilayah kajian, latar belakang persembahan upacara ritual pakon, unsur-unsur persembahan dalam upacara ritual pakon (tempat persembahan upacara ritual pakon, bara api, sesajen, *tembang*, mantera, pelakon upacara ritual pakon, peringkat upacara ritual pakon) dan nilai-nilai sosial yang terkandung dalam ritual pakon yang terdiri daripada empat nilai iaitu nilai keagamaan, nilai solidariti sosial, nilai gotong royong dan nilai kekeluargaan.

Bab ketiga mengandungi bentuk persembahan daripada tari pakon yang membincangkan mengenai elemen gerak tari yang terdiri daripada (gerak, ruang, daya dan masa), penari pakon, tatabusana, solekan, iringan muzik iringan dan perlengkapan dalam persembahan tari pakon. Bab keempat membincangkan mengenai fungsi yang terdapat pada persembahan tari pakon dalam upacara ritual pakon iaitu mengenai fungsi manifes iaitu fungsi yang sudah direncanakan dan fungsi laten iaitu fungsi yang tidak



direncanakan. Fungsi manifes terdiri daripada fungsi sebagai upacara ritual dan fungsi pengubatan manakala fungsi laten iaitu mengandungi fungsi mistik dan fungsi hiburan. Bab kelima mengandungi penutup yang meliputi kesimpulan dari keseluruhan pembahasan serta terdapat pula cadangan.

